

SOALAN NO. 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 1 OGOS 2017

SOALAN :

YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan tambahan peruntukan untuk pembangunan keagamaan di Tenom bagi membolehkan badan-badan keagamaan melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan, menaik taraf, membaiki kemudahan serta pembangunan agama.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan untuk tujuan keagamaan secara keseluruhannya adalah seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam Bajet 2017. Bagi kawasan-kawasan Parlimen yang memerlukan peruntukan untuk tujuan tersebut, permohonan bolehlah dibuat melalui agensi-agensi berkaitan yang telah dipertanggungjawabkan.

Sekian, terima kasih.